

## **Pembangunan pelancongan luar bandar: suatu tinjauan konseptual dan pelaksanaannya di Daerah Kota Marudu, Sabah**

### **ABSTRAK**

Daerah Kota Marudu memiliki pelbagai produk yang berpotensi dibangunkan sebagai tarikan pelancongan luar bandar yang unik dan menarik terutamanya keindahan alam semula jadi dan warisan budayanya. Pelancongan luar bandar menawarkan kepelbagaian tarikan produk tempatan seperti ekopelancongan, agropelancongan serta budaya dan warisan komuniti setempat. Kertas kerja ini meneliti tentang aspek konseptual pelancongan luar bandar seterusnya mengkaji pelaksanaannya dalam konteks pembangunan pelancongan luar bandar di daerah Kota Marudu, Sabah. Terdapat beberapa ciri dan dimensi pelancongan luar bandar iaitu ciri lokasi, tujuan lawatan, aktiviti yang dijalankan, skala operasi dan elemen kelestarian. Dalam konteks Kota Marudu, kajian pembangunan pelancongan luar bandar perlu dilakukan bagi mengenal pasti aspek pelaksanaannya dalam memperkasa komuniti di daerah tersebut. Ringkasnya, pelbagai inisiatif dan dasar perlu dijalankan secara praktikal serta holistik agar pelancongan luar bandar di daerah ini terus maju dan berdaya saing.